

Sel. P.U. 81.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH  
PEMBAIKAN ANJING (MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA) 2007

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Pelesenan anjing
4. Daftar dan pengeluaran lesen
5. Pemakaian kolar anjing dan lencana
6. Kehilangan lencana
7. Pertukaran pemunyaan anjing berlesen
8. Sekatan yang dikenakan ke atas pemeliharaan anjing
9. Kehendak kebersihan berkenaan dengan pemeliharaan anjing
10. Perlindungan terhadap penganiayaan dan tindakan mudarat
11. Anjing berpenyakit
12. Mencegah penyakit anjing gila
13. Kacau ganggu kerana salakan tidak berhenti-henti, pembuangan najis dan selainnya
14. Anjing hendaklah diikat, dsb. dan tidak dibenarkan berkeliaran
15. Serangan anjing, dsb.
16. Anjing merbahaya
17. Penangkapan atau pembinasaan anjing-anjing yang berkeliaran
18. Rumah pembiakan anjing hendaklah dilesenkan
19. Pengeluaran lesen
20. Kuasa untuk memasuki dan memeriksa
21. Penalti
22. Pendakwaan
23. Pengkompaunan kesalahan
24. Peruntukan pemansuhan dan peralihan

JADUAL

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING  
(MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 73 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Subang Jaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

**Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2007**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 19 Julai 2007.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai kepada kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya sahaja.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anjing berlesen” ertinya anjing yang dilesenkan di bawah undang-undang kecil 4;

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya;

“doktor veterinar” ertinya doktor veterinar sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Doktor Veterinar 1974 [*Akta 147*];

“lencana” ertinya lencana seperti yang dinyatakan dalam subperenggan 4(2)(c);

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Subang Jaya;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua;

“pemunya” berhubungan dengan seekor anjing, termasuklah mana-mana orang yang menjaga atau mempunyai kawalan ke atas anjing itu;

“Pihak Berkuasa Melesen” ertinya Datuk Bandar atau Yang Dipertua atau Setiausaha suatu pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua;

“rumah pembiakan anjing” ertinya mana-mana bangunan, pegangan atau premis di mana suatu pengusahaan yang berkaitan dengan pemeliharaan, pembiakan, penyimpanan atau latihan anjing dijalankan bagi maksud-maksud komersial.

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya.

#### **Pelesenan anjing**

3. (1) Tiada seorang pun boleh mempunyai, memelihara atau melindungi seseekor anjing yang telah mencapai umur tiga bulan melainkan jika anjing itu dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Suatu permohonan untuk lesen hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan dan hendaklah disertakan dengan fi sebanyak sepuluh ringgit.

(3) Suatu lesen hendaklah habis tempohnya pada 31 Disember pada tahun lesen itu dikeluarkan.

#### **Daftar dan pengeluaran lesen**

4. (1) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah menyimpan dan menyenggarakan, dalam apa-apa bentuk yang difikirkan patut; apa-apa daftar yang difikirkannya perlu bagi maksud-maksud Undang-Undang Kecil ini.

(2) Selepas menerima suatu permohonan untuk lesen dan fi yang dinyatakan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah—

- (a) mendaftarkan anjing itu dengan membuat suatu catatan dalam daftar yang menghuraikan butir-butir anjing yang hendak dilesenkan dan nama serta alamat pemunya;
- (b) mengemukakan nombor pendaftaran bagi anjing itu;
- (c) mengeluarkan kepada pemunya anjing itu suatu lesen dalam bentuk lencana yang sesuai yang mempunyai nombor siri yang sama dengan nombor pendaftaran anjing itu; dan
- (d) mengeluarkan kepada pemunya anjing itu suatu resit bagi fi yang telah dibayar.

#### **Pemakaian kolar anjing dan lencana**

5. Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah mengadakan kolar yang sesuai untuk dipakai oleh anjing itu pada setiap masa dan lencana yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah dipasang dengan sempurna pada kolar itu mengikut cara yang membolehkan lencana itu dilihat dengan jelas apabila kolar itu dipakai oleh anjing itu.

**Kehilangan lencana**

6. Jika suatu lencana yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 hilang, pemunya anjing yang dilesenkan di bawah undang-undang kecil itu hendaklah mendapatkan lesen yang lain mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang kecil 4 sebagai gantian.

**Pertukaran pemunyaan anjing berlesen**

7. Jika terdapat suatu pertukaran pemunyaan seekor anjing berlesen, pemunya yang baru hendaklah, dalam tempoh satu bulan dari pertukaran itu, memberitahu Pihak Berkuasa Melesen mengenai pertukaran sedemikian dan Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mencatatkan nama dan alamat pemunya baru itu dalam daftar dengan bayaran fi pendaftaran sebanyak lima ringgit.

**Sekatan yang dikenakan ke atas pemeliharaan anjing**

8. (1) Tanpa menjejaskan undang-undang kecil 3, tiada seorang pun boleh mempunyai, memelihara, melindungi atau membenarkan dipelihara atau dilindungi—

- (a) lebih daripada dua ekor anjing di premisnya yang mempunyai keluasan seribu meter persegi atau kurang; atau
- (b) lebih daripada empat ekor anjing di premisnya yang mempunyai keluasan melebihi seribu meter persegi.

(2) Tiada seorang pun boleh mempunyai, memelihara, melindungi atau membenarkan dipelihara atau dilindungi seekor anjing di tingkat yang lebih tinggi daripada tingkat bawah sesuatu bangunan.

**Kehendak kebersihan berkenaan dengan pemeliharaan anjing**

9. (1) Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu dan tempat di mana anjing itu dipelihara disenggarakan dalam keadaan bersih pada setiap masa.

(2) Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah membuang apa-apa bahan najis anjing itu daripada premisnya dan pembuangan bahan najis sedemikian hendaklah dijalankan mengikut cara atau melalui kaedah yang tidak berkemungkinan menyebabkan kesalahan atau kacau ganggu kepada mana-mana yang lain.

**Perlindungan terhadap penganiayaan dan tindakan mudarat**

10. (1) Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu diberi makan dan disenggarakan dengan sempurna.

(2) Mana-mana orang yang—

- (a) dengan zalimnya memukul, menendang, memperlakukan secara kejam, menyiksa, menyebabkan kemarahan atau menakutkan mana-mana anjing berlesen, atau menyebabkan atau membenarkan anjing itu dipergunakan sedemikian, atau dengan sewenang-wenangnya atau dengan tidak munasabahnya melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tak perlu kepada anjing itu;
- (b) mengangkut, membawa atau membenarkan mana-mana anjing berlesen itu diangkut atau dibawa mengikut cara atau kedudukan yang menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tak perlu kepada anjing itu;
- (c) menyebabkan, mengakibatkan atau membantu dalam pelagaan mana-mana anjing berlesen; atau
- (d) tanpa apa-apa sebab atau alasan munasabah, memberi atau membenarkan diberi apa-apa ubat atau bahan beracun atau memudaratkan kepada mana-mana anjing berlesen, atau dengan sengaja menyebabkan apa-apa ubat atau bahan sedemikian dimakan oleh anjing itu,

maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan penganiayaan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(3) Bagi maksud-maksud Undang-Undang Kecil ini, seorang pemunya hendaklah disifatkan sebagai telah melakukan penganiayaan jika dia telah gagal menjalankan penjagaan dan penyeliaan yang munasabah untuk melindungi anjing itu daripada perbuatan-perbuatan yang dinyatakan dalam perenggan (2).

#### **Anjing berpenyakit**

11. (1) Sekiranya seekor anjing berlesen berpenyakit, pemunya anjing itu hendaklah dengan segera membawa anjing itu untuk diperiksa dan dirawat oleh seorang doktor veterinar dan anjing itu tidak boleh dibenarkan disimpan di premis pemunya melainkan jika anjing itu telah diperiksa dan dirawat oleh doktor veterinar itu atau walaupun masih dirawat oleh doktor veterinar itu, telah dibenarkan oleh doktor veterinar itu untuk disimpan di premis pemunya.

(2) Jika ternyata kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa seekor anjing berlesen mengalami apa-apa penyakit, Pihak Berkuasa Melesen boleh, melalui notis bertulis, menghendaki pemunya anjing itu membawa anjingnya untuk diperiksa oleh doktor veterinar dalam suatu tempoh yang dinyatakan di atas perbelanjaan pemunya.

(3) Jika mana-mana anjing berlesen telah diperiksa oleh seorang doktor veterinar di bawah perenggan (1) atau (2) dan doktor veterinar itu berpendapat bahawa anjing itu mengalami penyakit yang merbahaya kepada kesihatan dan kebajikan manusia atau haiwan, pemunya anjing sedemikian hendaklah dengan serta merta memberitahu Pihak Berkuasa Melesen mengenainya, dan Pihak

Berkuasa Melesen boleh menyebabkan anjing itu ditangkap dan ditahan untuk pengasingan atau pembinasaan untuk mencegah merebaknya apa-apa penyakit merbahaya sedemikian.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh menahan anjing berlesen yang berpenyakit itu dalam pengasingan selama apa-apa tempoh yang perlu bagi mengawasi dan merawat anjing itu, dan jika dia berpuashati bahawa anjing itu tidak lagi berpenyakit, maka Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberitahu pemunya supaya mendapatkan kembali anjing itu dalam tempoh yang dinyatakan setelah membayar kos-kos yang ditanggung oleh Majlis bagi penahanan dan rawatan sedemikian.

(5) Jika anjing berlesen itu tidak didapatkan kembali oleh pemunya atau pemunya enggan membayar kos-kos yang ditanggung oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah perenggan (4), Pihak Berkuasa Melesen boleh menyebabkan anjing itu dijual, dibinasakan atau selainnya dilupuskan dan tiada pampasan kena dibayar kepada pemunya oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Jika Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati bahawa adalah perlu bagi seekor anjing berlesen yang berpenyakit itu dibinasakan, dia hendaklah melupuskan bangkai anjing itu sebagaimana yang difikirkan patut dan tiada pampasan kena dibayar kepada pemunya bagi pembinasaan sedemikian.

#### **Mencegah penyakit anjing gila**

12. Semua anjing hendaklah disuntik bagi mencegah penyakit anjing gila (Hydrofobia) sama ada oleh Pegawai Jabatan Haiwan Negeri Selangor atau lain-lain doktor veterinar.

#### **Kacau ganggu kerana salakan tidak berhenti-henti, pembuangan najis dan selainnya**

13. (1) Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah mengambil segala langkah perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak menyebabkan apa-apa kacau ganggu, kepada kawasan persekitaran atau alam sekeliling, khususnya melalui salakan tidak berhenti-henti atau selainnya.

(2) Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah mengambil segala langkah perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak membuang najis atau kencing di tempat awam.

#### **Anjing hendaklah diikat, dsb. dan tidak dibenarkan berkeliaran**

14. (1) Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu berada di bawah kawalan berkesan seseorang melalui tali ikatan atau rantai pada setiap masa apabila anjing itu dibawa keluar kepada premis pemunya.

(2) Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu tidak berkeliaran di luar premisnya.

**Serangan anjing, dsb.**

15. (1) Jika seekor anjing berlesen mengejar, menyerang atau menggigit mana-mana orang, sama ada atau tidak apa-apa kecederaan dilakukan, pemunya anjing itu adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Tanpa menjejaskan perenggan (1), pemunya anjing itu adalah bertanggung untuk membayar ganti rugi bagi kecederaan yang dilakukan oleh anjing itu.

(3) Jika apa-apa kecederaan sedemikian telah dilakukan oleh seekor anjing berlesen dan wujudnya suatu keraguan tentang siapa pemunya anjing itu, penghuni mana-mana rumah atau premis di mana anjing dipelihara atau dibenarkan tinggal atau berada pada masa kecederaan itu hendaklah dianggap sebagai pemunya anjing itu, dan hendaklah bertanggung bagi kecederaan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa dia bukanlah pemunya anjing sedemikian pada masa itu;

Dengan syarat bahawa jika terdapat lebih daripada seorang penghuni dalam mana-mana rumah atau premis yang mempunyai bilik atau tempat tinggal sewaan berasingan atau selainnya, penghuni bahagian tertentu atau premis itu yang di dalamnya anjing itu dipelihara atau dibenarkan untuk tinggal atau berada pada masa kecederaan itu hendaklah dianggap sebagai pemunya anjing itu.

(4) Tiada pampasan kena dibayar kepada mana-mana orang di bawah Undang-Undang Kecil ini berkenaan dengan kecederaan yang dialami dalam mana-mana rumah atau premis kecuali atau bukti bahawa dia telah memasuki rumah atau premis sedemikian mengikut perjalanan biasa tugas-tugasnya atau dengan kebenaran nyata atau tersirat penghuni itu.

(5) Tiada liabiliti jenayah boleh berbangkit di bawah Undang-Undang Kecil ini berkenaan dengan apa-apa kecederaan yang dialami oleh mana-mana orang dalam mana-mana rumah atau premis melainkan jika seorang itu telah memasuki rumah atau premis sedemikian mengikut perjalanan biasa tugas-tugasnya atau dengan kebenaran nyata atau tersirat penghuni itu.

**Anjing merbahaya**

16. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengambil maklum akan aduan bahawa seekor anjing berlesen adalah merbahaya dan tidak dipelihara di bawah kawalan sepatutnya.

(2) Jika ternyata kepada Pihak Berkuasa Melesen setelah mengambil maklum akan aduan itu bahawa anjing sedemikian adalah merbahaya, Pihak Berkuasa Melesen boleh membuat suatu perintah mengarahkan pemunya supaya memelihara anjing itu di bawah kawalan sepatutnya.

(3) Jika seekor anjing berlesen dibuktikan telah menyerang atau mencederakan mana-mana orang, anjing itu boleh dikira sebagai anjing merbahaya.

(4) Dalam Undang-Undang Kecil ini, seekor anjing berlesen disifatkan tidak dipelihara di bawah kawalan sepatutnya jika anjing itu tidak disarung mulutnya ataupun diikat dengan tali ikatan atau rantai.

(5) Jika pemunya gagal mematuhi perintah sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah perenggan (2) atau jika telah dibuktikan bahawa anjing berlesen itu telah sekali lagi menyerang atau mencederakan mana-mana orang, Pihak Berkuasa Melesen boleh memerintahkan supaya anjing itu ditangkap dan dibinasakan, dan tiada pampasan kena dibayar oleh Pihak Berkuasa Melesen kepada pemunya kerana pembinaan itu.

#### **Penangkapan atau pembinasakan anjing-anjing yang berkeliaran**

17. (1) Mana-mana anjing yang didapati berkeliaran di tempat awam atau mana-mana anjing yang tidak berlesen dijumpai di dalam mana-mana premis boleh ditangkap oleh Pihak Berkuasa Melesen dan ditahan sehinggalah pemunya anjing itu menuntutnya dan membayar fi yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Jika mana-mana anjing yang ditangkap mengikut Undang-Undang Kecil ini didapati adalah seekor anjing berlesen melalui lencana yang dipakainya, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah menyampaikan kepada orang yang nama dan alamatnya telah dicatatkan dalam daftar sebagai pemunya suatu notis yang menyatakan bahawa anjing itu telah ditangkap dan akan dijual atau dibinasakan jika tidak dituntut dalam masa tujuh hari dari tarikh notis itu.

(3) Suatu notis di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh disampaikan—

- (a) dengan menyerahkan notis bertulis itu kepada orang yang kepadanya notis itu hendaklah disampaikan;
- (b) dengan meninggalkan notis bertulis itu di alamat orang itu sebagaimana yang dinyatakan dalam daftar;
- (c) dengan menghantar notis bertulis melalui pos ke alamat orang itu sebagaimana yang dinyatakan dalam daftar; atau
- (d) dengan menyampaikan isi perkara notis itu melalui telefon, jika ada, sebagaimana yang dinyatakan dalam daftar.

(4) Jika mana-mana anjing yang ditangkap mengikut Undang-Undang Kecil ini—

- (a) telah ditahan—
  - (i) selama tujuh hari selepas penangkapannya; atau
  - (ii) dalam hal notis yang disampaikan mengikut perenggan (2), selama tujuh hari selepas notis itu disampaikan; dan
- (b) tidak dituntut oleh pemunya atau pemunya enggan membayar fi yang dinyatakan,



maka Pihak Berkuasa Melesen boleh menyebabkan anjing itu dijual, dibinasakan atau selainnya dilupuskan.

(5) Pihak Berkuasa Melesen boleh menyebabkan seekor anjing yang ditangkap di bawah perenggan (1) dibinasakan sebaik sahaja ia ditangkap jika Pihak Berkuasa Melesen berpendapat bahawa anjing itu berada dalam suatu keadaan yang menghendaki anjing itu dibinasakan dengan serta merta.

(6) Pihak Berkuasa Melesen tidaklah bertanggungjawab untuk membayar apa-apa pampasan kepada mana-mana pemunya bagi apa-apa kecederaan atau kematian mana-mana anjing semasa anjing itu ditahan.

(7) Pihak Berkuasa Melesen tidaklah bertanggungjawab untuk membayar apa-apa pampasan kepada mana-mana pemunya bagi apa-apa jualan, pembinasakan atau pelupusan mana-mana anjing di bawah perenggan (4) atau (5).

#### **Rumah pembiakan anjing hendaklah dilesenkan**

18. (1) Tiada seorang pun boleh membina atau menggunakan mana-mana bangunan, pegangan atau premis sebagai rumah pembiakan anjing melainkan jika dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Suatu permohonan untuk lesen hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang diperuntukkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dan pemohon boleh dikehendaki untuk mengemukakan keterangan menyokong bahawa notis sewajarnya mengenai rumah pembiakan anjing yang dicadangkan itu telah diberikan kepada mana-mana orang yang tinggal atau menduduki mana-mana bangunan atau premis dalam kawasan di mana terletak rumah pembiakan anjing itu, dan bahawa kegunaan tanah yang dicadangkan sedemikian mematuhi pelan pembangunan atau sesuatu kebenaran perancangan yang dibenarkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

(3) Jika notis mengenai rumah pembiakan anjing dicadangkan itu sebagaimana yang tersebut dalam perenggan (2) dikehendaki diberikan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengambil kira apa-apa bantahan yang berbangkit.

(4) Untuk menentukan sama ada untuk meluluskan suatu permohonan untuk lesen, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah secara khususnya, tetapi tanpa menjejaskan budi bicaranya untuk menahan lesen atas alasan lain, mengambil kira keperluan untuk memastikan—

- (a) bahawa anjing-anjing itu akan pada setiap masa disimpan di tempat tinggal yang sesuai berkenaan dengan saiz, pencahayaan, pengalihudaraan dan kebersihan;
- (b) bahawa anjing-anjing itu akan dibekalkan secukupnya dengan makan minum dan tempat tidur yang sesuai;
- (c) bahawa segala langkah munasabah akan diambil untuk mencegah merebaknya penyakit berjangkit di antara anjing-anjing itu, termasuk penyediaan kemudahan pengasingan yang mencukupi;

- (d) bahawa langkah-langkah yang berpatutan akan diambil dalam hal kebakaran dan kecemasan yang lain;
- (e) bahawa suatu daftar disimpan yang mengandungi perihalan mana-mana anjing yang dimasukkan ke dalam rumah pembiakan itu, tarikh kemasukan dan keluar, nama dan alamat pemunya, dan daftar sedemikian hendaklah sentiasa disediakan untuk pemeriksaan Pihak Berkuasa Melesen.

#### **Pengeluaran lesen**

19. (1) Apabila permohonan diluluskan, fi lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual hendaklah dibayar.

(2) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengeluarkan lesen kepada pemohon, dengan atau tanpa syarat sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Melesen untuk memastikan segala atau mana-mana perkara dalam undang-undang kecil 18(4) dan lesen itu adalah sah selama dua belas bulan dan boleh diperbaharui apabila fi yang ditetapkan dibayar tetapi boleh dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Melesen pada bila-bila masa jika Pihak Berkuasa Melesen tidak berpuashati dengan perjalanan rumah pembiakan itu atau jika pemohon telah melanggar mana-mana syarat yang dikenakan.

#### **Kuasa untuk memasuki dan memeriksa**

20. Bagi maksud menentukan sama ada suatu kesalahan telah dilakukan atau sedang dilakukan terhadap Undang-Undang Kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa boleh pada bila-bila masa yang munasabah memasuki dan memeriksa—

- (a) mana-mana bangunan, pegangan atau premis di mana Pihak Berkuasa Melesen mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang sedang menjalankan suatu rumah pembiakan anjing;
- (b) mana-mana bangunan, pegangan atau premis yang berkenaan dengannya suatu lesen untuk menjalankan rumah pembiakan anjing telah dipohonkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (c) mana-mana bangunan atau premis yang berkenaan dengannya suatu lesen yang telah diberikan mengikut peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini sedang berkuatkuasa; atau
- (d) mana-mana bangunan atau premis yang berkenaan dengannya suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

#### **Penalti**

21. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau arahan atau perintah yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Melesen adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau keduanya.

**Pendakwaan**

22. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

**Pengkompaunan kesalahan**

23. (1) Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu melainkan ianya telah dilupuskan terdahulu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang berkaitan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

**Peruntukan pembatalan dan peralihan**

24. (1) Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Petaling) 1994 adalah dengan ini dimansuhkan.

(2) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil termansuh itu yang belum habis tempohnya hendaklah terus berkuatkuasa dan mempunyai kuasa seolah-olah ia telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(3) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang telah dimansuhkan ini atau yang dibuat dahulu hendaklah dianggap telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah terus terpakai sehingga dibatalkan.

JADUAL

(Undang-undang kecil 17 dan 19)

Caj untuk seekor anjing setiap hari - RM2.00

Fi lesen tahunan untuk rumah pembiakan anjing - RM150.00

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya dalam mesyuaratnya pada 30 April 2007.

ADNAN BIN HAJI MD IKSHAN  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Perbandaran Subang Jaya*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 4 Julai 2007.

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Selangor*

---

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF DOGS AND KENNEL ESTABLISHMENTS  
(SUBANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2007

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-Law

1. Citation, commencement and application
2. Interpretation
3. Licensing of dogs
4. Register and issuance of licence
5. Wearing of dog collar and badge
6. Loss of badge
7. Change of ownership of licensed dog
8. Restrictions imposed on the keeping of dogs
9. Sanitary requirements regarding the keeping of dogs
10. Protection against cruelty and harmful actions
11. Diseased dog
12. Immunisation against rabies
13. Nuisance by incessant barking defection and otherwise
14. Dogs to be on leash, *etc.* and not to be straying
15. Dog attacks, *etc.*
16. Dangerous dogs
17. Seizure or destruction of stray dogs
18. Kennel establishment to be licensed
19. Issuance of licence
20. Power of entry and inspection
21. Penalties
22. Prosecution
23. Compounding of offences
24. Repeal and transitional provision

SCHEDULE

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF DOGS AND KENNEL ESTABLISHMENTS  
(SUBANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2007

IN exercise of the powers conferred by section 73 and 102A of Local Government Act 1976 [Act 171], the Subang Jaya Municipal Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms, the following by-laws:

**Citation, commencement and application**

1. (1) These by-laws may be cited as the **Licensing of Dogs and Kennel Establishments (Subang Jaya Municipal Council) By-Laws 2007**.

(2) These By-Laws shall come into operation on 19 July 2007.

(3) These By-Laws shall apply only to the area administered by Subang Jaya Municipal Council.

**Interpretation**

2. In these By Laws, unless the context otherwise requires —

“licensed dog” means a dog licensed under by-laws 4;

“veterinary surgeon” means a veterinary surgeon as defined in section 2 of the Veterinary Surgeons Act 1974 [Act 147];

“badge” means a badge such as prescribed in subparagraph 4(2)(c);

“Council” means the Subang Jaya Municipal Council;

“authorised officer” means any officer authorised in writing by the Mayor or President;

“owner” in relation to a dog, includes any person having charge of or having control over the dog;

“Licensing Authority” means the Mayor or Secretary of a local authority or any officer authorized in writing by the Mayor or President;

“kennel establishment” means any building, holding or premises where an undertaking pertaining to the keeping, breeding, boarding or training of dogs is carried on for commercial purposes;

“President” means the President of Subang Jaya Municipal Council.

**Licensing of dogs**

3. (1) No person shall own, keep or harbour any dog that has reached the age of three months unless it is licensed under these By-Laws.

(2) An application for a license shall be made to the Licensing Authority in such form as determined by the Licensing Authority and shall be accompanied by a fee of ten ringgit.

(3) A license shall expire on the 31 December of the year in which it is issued.

**Register and issuance of licence**

4. (1) The Licensing Authority shall keep and maintain, in such form as he thinks fit, such registers as he considers necessary for the purposes of these By-Laws.

(2) Upon receipt of an application for a licence and the specified fee, the Licensing Authority shall—

- (a) register the dog by causing an entry to be made in the register which shall set out the particulars of the dog to be licensed and the name and address of its owner;
- (b) allocate for the dog a registration number;
- (c) issue to the owner of the dog a licence in the form of a suitable badge bearing a serial number corresponding with the registration number allocated to such dog; and
- (d) issue to the owner of the dog a receipt for the fee paid.

**Wearing of dog collar and badge**

5. The owner of a licensed dog shall provide a suitable collar to be worn by the dog at all times and the badge issued under by-law 4 shall be securely fastened to the collar in such manner as to be clearly visible when the collar is worn by the dog.

**Loss of badge**

6. Where any badge issued under by-law 4 is lost, the owner of the dog licensed there under shall obtain another badge as a replacement in accordance with the provisions of by-law 4.

**Change of ownership of licensed dog**

7. Where there has been a change in the ownership of a licensed dog, the new owner shall, within one month thereof, notify the Licensing Authority of such change and the Licensing Authority shall enter the name and address of the new owner in the register upon payment of registration fee of five ringgit.

**Restrictions imposed on the keeping of dogs**

8. (1) Without prejudice to by-law 3, no person shall own, keep, harbour or allow to be kept or harboured—

- (a) more than the two dogs on his premises which has an area of one thousand square metres or less; or
- (b) more than four dogs on his premises which has an area of more than one thousand square metres.

(2) No person shall own, keep, harbour or allow to be kept or harboured any dog above the ground floor of any building.

**Sanitary requirements regarding the keeping of dogs**

9. (1) The owner of a licensed dog shall ensure that the dog and the place where the dog is kept are maintained in a sanitary condition at all times.

(2) The owner of a licensed dog shall rid his premises of any faecal matter discharged by the dog and such faecal matter shall be disposed of in such manner or by such means as will not be likely to cause offence or nuisance to any other persons.

**Protection against cruelty and harmful actions**

10. (1) The owner of a licensed dog shall ensure that the dog is properly fed and maintained.

(2) If any person—

- (a) cruelly beat, kick, ill treat, torture, infuriate or terrify any licensed dog, or cause or permit the dog to be so used, or by wantonly or unreasonably doing or omitting to do any act, causes any unnecessary pain or suffering to the dog;
- (b) convey, carry or allow to be conveyed or carried any licensed dog in such manner or position as to cause any unnecessary pain or suffering to the dog;
- (c) cause, procure or assist at the fighting of any licensed dog; or
- (d) without any reasonable cause or excuse, administer or allow to be administered any poisonous or injurious drug or substance to any licensed dog, or willfully cause any such drug or substance to be taken by such dog,

such person commits an offence for cruelty under these By-Laws.

(3) For the purposes of this By-Law, an owner shall be deemed to have permitted cruelty if he failed to exercise reasonable care and supervision in respect of the protection of the dog as prescribed under paragraph (2).



**Diseased dog**

11. (1) In the event of a licensed dog being diseased, the owner of the dog shall forthwith have the dog examined and treated by a veterinary surgeon and such dog shall not be allowed to be kept in the owner's premises unless the dog has been examined and treated by the veterinary surgeon or is undergoing treatment and has been allowed by the veterinary surgeon to be kept therein.

(2) Where it appears to the Licensing Authority that a licensed dog is suffering from any disease, the Licensing Authority may, by notice in writing, require the owner of such dog to have it examined by a veterinary surgeon within a specified period at the expense of the owner.

(3) Where any licensed dog has been examined by a veterinary surgeon under paragraph (1) or (2) and the veterinary surgeon is of the opinion that the dog is suffering from a disease which is a danger to the health and welfare of humans or animals, the owner of such dog shall immediately inform the Licensing Authority thereof, and the Licensing Authority may cause the dog to be seized and detained for isolation or destruction to prevent the outbreak of any such dangerous disease.

(4) The Licensing Authority may detain the diseased licensed dog in isolation for such period as necessary for observation and treatment, and where he is satisfied that the dog is free from the disease, the Licensing Authority shall inform the owner to recover the dog within a specified period upon payment of the costs incurred by the Council for such detention and treatment.

(5) Where the licensed dog is not recovered by the owner or the owner refused to pay the costs incurred by the Licensing Authority under paragraph (4), the Licensing Authority may cause the dog to be sold, destroyed or otherwise disposed of and no compensation shall be payable to the owner by the Licensing Authority.

(6) Where the Licensing Authority is satisfied that it is necessary for a diseased licensed dog to be destroyed, he shall dispose of the said carcass as he thinks fit and no compensation shall be payable to the owner for such disposal.

**Immunisation against rabies**

12. All dogs shall be immunized against rabies (*Hydrophobia*) either by the Selangor State Veterinary Officer or other veterinary surgeon.

**Nuisance by incessant barking, defecation and otherwise**

13. (1) The owner of a licensed dog shall take all necessary steps to ensure that the dog does not cause any nuisance, to the neighbourhood or environment, particularly by incessant barking, or otherwise.

(2) The owner of a licensed dog shall take all necessary steps to ensure that the dog does not defecate or urinate in a public place.

**Dogs to be on leash, etc. and not to be straying**

14. (1) The owner of a licensed dog shall ensure that such dog is under the effective control of some person by means of a leash or a chain cord at all times whenever the dog is taken out of the owner's premises.

(2) The owner of a licensed dog shall ensure that the dog does not stray outside his premises.

**Dog attacks, etc.**

15. (1) If a licensed dog chases, attacks or bites any person, whether or not any injury is caused, the owner of the dog is guilty of an offence.

(2) Without prejudice to paragraph (1), the owner of the dog shall be liable in damages for the injury caused by the dog.

(3) Where any such injury has been done by a licensed dog and there exist a doubt as to who is the owner of the dog, the occupier of any house or premises where the dog was kept or permitted to live or remain at the time of the injury shall be presumed to be the owner of the dog, and shall be liable for the injury unless he proves that he was not the owner of the dog at that time:

Provided that where there are more occupiers than one in any house or premises let in separate apartments or lodgings or otherwise, the occupier of that particular part of the house or premises in which the dog has been kept or permitted to live or remain at the time of the injury shall be presumed to be the owner of the dog.

(4) No compensation shall be payable to any person under this by-law in respect of injury sustained in any house or premises except upon proof that he entered such house or premise in the ordinary course of his duties or with express or implied permission of the occupier.

(5) No criminal liability shall arise under these By-Laws in respect of any injury sustained by any person in any house or premises unless such person has entered such house or premises in the ordinary course of his duties or with the express or implied permission of the occupier.

**Dangerous dogs**

16. (1) The Licensing Authority may take cognizance of a complaint that a licensed dog is dangerous and not kept under proper control.

(2) Where it appears to the Licensing Authority having cognizance of such complaint that such dog is dangerous, the Licensing Authority may make an order directing the owner to keep the dog under proper control.

(3) Where a licensed dog is proven to have attacked or injured any person, it may be dealt as a dangerous dog.

(4) In these By-Laws, a licensed dog is deemed not to be kept under proper control if it is neither muzzled nor kept on a leash or chain cord.

(5) Where the owner fails to comply with the order as directed by Licensing Authority under paragraph (2) or where it is proven that the licensed dog has again attacked or injured any person, the Licensing Authority may order for the dog to be seized and destroyed, and no compensation shall be payable to the owner for the destruction of such dog by the Licensing Authority.

#### Seizure or destruction of stray dogs

17. (1) Any dog found straying in a public place or any unlicensed dog found in any premises may be seized by the Licensing Authority and be detained until the owner claimed it and paid the specified fee in the Schedule.

(2) Where any dog seized in accordance with these By-Laws is found to be a licensed dog by the badge it wears, the Licensing Authority shall serve on the person whose name and address has been entered in the register as the owner a notice stating that the dog has been seized and is liable to be sold or destroyed if not claimed within seven days after the date of the notice.

(3) A notice under these By-Laws may be served—

- (a) by delivering the notice in writing to the person on whom it is to be served;
- (b) by leaving the notice in writing at that person's address as stated in the register;
- (c) by forwarding the notice in writing by post to that person's address as stated in the register; or
- (d) by conveying that substance of the notice by telephone, if any, as stated in the register.

(4) Where any dog seized in accordance with these By-Laws—

- (a) has been detained—
  - (i) for seven day after the seizure; or
  - (ii) in the case of a notice served in accordance with paragraph (2), for seven days after the notice was served; and
- (b) has not been claimed by the owner or the owner refused to pay the specified fee,

then the Licensing Authority may cause the dog to be sold, destroyed or otherwise disposed of.

(5) The Licensing Authority may cause a dog seized under paragraph (1) to be destroyed immediately it is seized if in his opinion the dog is in such condition that it ought to be destroyed forthwith.

(6) The Licensing Authority shall not be liable to pay any compensation to any owner for any injury or the death of any dog while the dog is detained.

(7) The Licensing Authority shall not be liable to pay any compensation to any owner for the sale, destruction or disposal of any dog under paragraph (4) or (5).

#### **Kennel establishment to be licensed**

18. (1) No person shall construct or use any building, holding or premises as kennel establishment unless licensed by the Licensing Authority under this By-Law.

(2) An application for a licence shall be made in such form as may be provided by the Licensing Authority and the applicant may be required to submit supporting evidence that due notice of the proposed kennel establishment has been given to any person residing or occupying any building or premises within the locality where the kennel establishment is to be situated and that the proposed land use is in conformity with the development plan or any planning permission granted under the Town and Country Planning Act 1976.

(3) Where notice of the proposed kennel establishment as referred to in paragraph (2) is required to be given, the Licensing Authority shall have regard to any objections raised.

(4) In determining whether to approve an application for a licence, the Licensing Authority shall in particular, but without prejudice to his discretion to withhold a licence on other grounds, have regard to the need for securing—

- (a) that the dogs will at all times be kept in accommodation suitable in respects of size, lighting, ventilation and cleanliness;
- (b) that the dogs will be adequately supplied with suitable food and drink and bedding material;
- (c) that all reasonable precautions will be taken to prevent the spread among the dogs of infectious diseases, including the provision of adequate isolation facilities;
- (d) the appropriate steps will be taken in case of fire or other emergency;
- (e) that the register be kept containing a description of any dogs received into the establishment, date of arrival and departure, name and address of owner, and such register to be available for inspection at all times by the Licensing Authority.

**Issuances of licence**

19. (1) Upon approval of the application, the licence fee as prescribed in the Schedule shall be paid.

(2) The Licensing Authority shall issue a licence to the applicant, with or without conditions as the Licensing Authority deems necessary or expedient for securing all or any of the items specified in by-laws 18(4), and the licence shall be valid for twelve months and is renewable upon payment of the prescribed fee but may be cancelled at any time by the Licensing Authority if he is dissatisfied with the conduct of the establishment or the applicant has breached any conditions that has been imposed.

**Power of entry and inspection**

20. For the purpose of ascertaining whether an offence has been committed or is being committed against these By-Laws, the Licensing Authority or authorised officer may, at all reasonable times, enter and inspect—

- (a) any building, holding, or premises where the Licensing Authority has reason to believe a person is carrying on a kennel establishment;
- (b) any building, holding or premises as respects which a licence to carry on a kennel establishment has been applied for under these By-Laws;
- (c) any building or premises as respects which a licence granted in accordance with the provisions of these By-Laws is in force; or
- (d) any building or premises as respects where any offence has been committed under these By-Laws.

**Penalties**

21. Any person who contravenes or fails to comply with any of the provisions of these By-Laws or any conditions or directions or orders given by the Licensing Authority commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to a terms of imprisonment not exceeding one year or to both.

**Prosecution**

22. No prosecution shall be instituted for an offence under these By-Laws except with the written consent of the Public Prosecutor.

**Compounding of offences**

23. (1) The Mayor, the President, the Secretary or the Legal Officer of the Council may compound any offence committed by any person under these By-Laws and prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money not exceeding one thousand ringgit for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under paragraph (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the Mayor, the Secretary or the Legal Officer may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against that person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under paragraph (1), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and anything seized in connection with the offence unless has been earlier disposed off, shall be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

(4) All monies received under these By-Laws shall be paid into the fund constituted under any law relating to local government.

#### **Repeal and transitional provision**

24. (1) The Licensing of Dogs (Petaling District Council) By-Laws are hereby repealed.

(2) A licence issued under the repealed By-Laws which has not expired shall continue in force and have effect as if it has been issued under these By-Laws.

(3) Any notice, order, compound, licence or documents made or issued under the repealed By-Laws shall be deemed to be made or issued under these By-Laws and shall continue to remain in force until revoked thereunder.

#### **SCHEDULE**

(By-laws 17 and 19)

Charges per dog per day – RM5.00

Annual licence fee for kennel establishment – RM300.00

Made by the Subang Jaya Municipal Council in the meeting on 30 April 2007.

ADNAN BIN HAJI MD. IKSHAN  
*President*  
*Subang Jaya Municipal Council*

Confirmed by the State Authority in the meeting on the 4 July 2007.

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR  
*Clerk,*  
*State Executive Council*  
*Selangor*